

Nauraj *all out* di Sukan SEA

PETALING JAYA: Tidak pasti apakah dia boleh beraksi dalam Sukan Asia atau Sukan Komanwel tahun ini, Nauraj Singh akan memberikan 'segala-galanya' pada Sukan SEA Vietnam bulan depan dan nekad mengekalkan penguasaan Malaysia dalam acara lompat tinggi.

Malaysia meraih pingat emas acara lompat tinggi lelaki sejak edisi 1977 temasya dwitahunan itu, kecuali pada 2005 di Manila, menyaksikan atlet dari Vietnam Nguyen Duy Bang memenangi emas.

Nauraj, 30, yang menjalani latihan bersama jurulatihnya

dari Jerman di ibu negara adalah pemegang rekod kebangsaan 2.30 meter (m) dan pemenang pingat emas tiga kali berturut-turut pada edisi 2013 (Naypyi daw), 2015 (Singapura) dan 2017 di Kuala Lumpur.

Dia terlepas gelaran juara pada temasya terakhir di Filipina 2019 kepada rakan senegara, Lee Hup Wei yang bagaimanapun mengumumkan persaraan tahun ini.

"Saya mahu menang pingat emas buat Malaysia, saya tidak begitu berminat dengan ketinggian (untuk melakukan catatan terbaik musim), jadi tidak mengapa. Saya cuba be-

rada dalam keadaan terbaik untuk Sukan SEA

"Saya akan tampil di sana dengan memberikan sepenuh keupayaan saya, 110 peratus, apa saja datang dengan itu, saya akan sangat gembira.

"Saya pun tak tahu lagi, mungkin di masa hadapan saya akan mengalami kecederaan menyebabkan saya tidak dapat menyertai pertandingan lain malah saya pun belum tahu akan terpilih atau tidak (dalam Sukan Komanwel dan Sukan Asia)," dalam majlis penajaan bersama Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil kelmarin.



NAURAJ Singh (kiri) bersama atlet heptation, Norliyana Kamaruddin (tengah) dan Queenie Ting Kung Ni (lempar cakera) pada majlis penajaan Ajinomoto di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil kelmarin.